

TARIKH	31 / 8 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	4	RUANGAN	Nasional

Arab Saudi belum maklum kuota haji

» *Riyadh
lazim umum
sebelum
Ramadan*

Oleh Syuhada Choo Abdullah
choo@bharian.com.my

■ Kuala Lumpur

Arab Saudi belum memaklumkan kuota haji untuk 28,000 jemaah Malaysia bagi tahun ini walaupun ia biasanya ia dikehluarkan pada Ramadan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom, berkata ketika bersama rombongan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di Makkah baru-baru ini, beliau ada memaklumkan kepada Kerajaan Arab Saudi supaya maklumat mengenainya disampaikan kepada Malaysia.

"Sekarang sudah masuk Syawal dan kita masih menunggu (keputusan Kerajaan Arab Saudi).

"Kita perlu bersiap sedia dengan jemaah haji yang hendak bertolak kerana penerbangan kumpulan pertama ke Makkah insya-Allah pada 17 September."

Persiapan awal

"Perlu siap lebih awal sebab kita menggerakkan 28,000 jemaah haji dari seluruh negara.

"Namun, Tabung Haji se-

dang menggerakkan jenteranya secara intensif, termasuk pasukan di Makkah, Madinah dan Jeddah untuk mendapat maklumat awal daripada Arab Saudi.

"Malah, Selasa lalu saya minta Perdana Menteri atas hubungan beliau dengan Raja Abdullah (Raja Arab Saudi) agar dapat disegerakan makluman itu," katanya selepas Majlis Konvokesyen Ke-9 Institut Profesional Baitulmal (IPB), di sini semalam.

Arab Saudi sebelum ini menghantar nota diplomatik kepada Wisma Putra, melahirkan rasa kecewa dengan tindakan segelintir rakyat Malaysia mengadakan perhimpunan haram di Makkah dan Madinah pada 28 April lalu, sekali gus mencetuskan kebimbangan peruntukan kuota bagi jemaah haji negara tahun ini terjejas.

Sempena perhimpunan BERSIH 3.0 pada tarikh itu, sekumpulan rakyat Malaysia yang bekerja dan belajar di Arab Saudi mengadakan perhimpunan di Makkah dan Ma-

dinah dengan memakai baju kuning serta memegang kain rentang 'duduk bantah'.

Malaysia ikon dunia

Ketika ditanya sama ada kelewatan Kerajaan Arab Saudi mengeluarkan keputusan kuota kali ini berpunca daripada perhimpunan itu, Jamil Khir berkata:

"Kita tidak boleh jangkakan, tidak tahu pandangan Arab Saudi tetapi selalunya apabila bertemu, Arab Saudi ada pesan... Malaysia sebagai ikon kepada dunia untuk contoh disiplin. Apabila ada satu-satu perkara berlaku di negara itu, mereka mengambil perhatian yang tinggi."

Mengulas isu khutbah Aiddilfitri didakwa dikeluarkan Dewan Ulama Pas Kelantan yang mengajak umat Islam tidak menyokong Kerajaan Pusat, Jamil Khir berkata, pentadbiran agama di bawah tanggungjawab kerajaan negeri tetapi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) ada mendapat maklumat serta aduan mengenainya dan akan diberi perhatian.